

No. Rujukan : UMK.B03.00.100-1/3/3 (19)



**SURAT PEKELILING BENDAHARI
BILANGAN 20 TAHUN 2020**

**GARIS PANDUAN PELABURAN
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

Pejabat Bendahari

7 **Oktober 2020**

Disalinkan kepada :

Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

Ketua PTJ/Dekan/Pengarah

Ketua Pegawai Eksekutif UMKBV Sdn.Bhd

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

No. Rujukan : UMK.B03.00.100-1/3/3 (19)

7 Oktober 2020

SURAT PEKELILING BENDAHARI BIL. 20 TAHUN 2020

GARIS PANDUAN PELABURAN UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

1. TUJUAN

- 1.1 Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada staf mengenai Polisi Pelaburan dan Garis Panduan Pelaburan Universiti sebagaimana di Lampiran.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Kertas kerja ini telah dibentangkan dan diperakukan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti Bil. 9/2019 yang bersidang pada 24 Jun 2019. Pembentangan seterusnya bagi tujuan perakuan adalah dalam Mesyuarat Jawatankuasa Induk Pelaburan Universiti Bilangan 2 Tahun 2020 pada 24 Jun 2020 dan seterusnya diluluskan di dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bilangan 3 Tahun 2020 (Kali Ke-55) pada 23 Ogos 2020.

3. OBJEKTIF GARIS PANDUAN PELABURAN

3.1 Garis Panduan Pelaburan disediakan bagi tujuan berikut:

- (a) membantu Universiti membuat pertimbangan dalam penyertaan ekuiti, perkongsian dan usahasama serta lain-lain bentuk pelaburan;
- (b) memudahkan Universiti dalam penyediaan maklumat mengenai penglibatan dalam aktiviti pelaburan yang akan dijadikan asas pertimbangan dan kelulusan pihak-pihak berkaitan bagi memenuhi Seksyen 5 (1) perenggan (a) hingga (i) Perlembagaan Universiti;
- (c) sebagai rujukan kepada Universiti berkaitan prosedur pelaburan yang perlu dipertimbangkan dalam proses mengemukakan cadangan pelaburan untuk kelulusan Kementerian Kewangan; dan
- (d) membantu Jawatankuasa Induk Pelaburan Universiti (JIPU) membuat keputusan berkaitan:
 - (i) Pelaburan Dalam Ekuiti
 - (ii) Pelaburan Terus Dalam Sekuriti Boleh Dagang
 - (iii) Pelaburan Dalam Harta Tanah

4. KANDUNGAN GARIS PANDUAN PELABURAN

4.1 Garis Panduan Pelaburan Universiti merangkumi perkara-perkara berikut:

- (a) Pengenalan dan Tujuan
- (b) Latar Belakang
- (c) Punca Kuasa
- (d) Garis Panduan Am Pelaburan
- (e) Garis Panduan Pelaburan Dalam Ekuiti
- (f) Garis Panduan Pelaburan Terus Dalam Sekuriti Boleh Dagang
- (g) Garis Panduan Pelaburan Dalam Harta Tanah
- (h) Garis Panduan Meminjam dan Mendapatkan Pinjaman
- (i) Pengecualian
- (j) Percanggahan


5. PEMAKAIAN

5.1 Surat pekeliling ini adalah berkuat kuasa mulai dari tarikh ianya dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

"RAJA BERDAULAT, RAKYAT MUAFAKAT, NEGERI BERKAT"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



JUNAIDAH BINTI BADAR

Bendahari

b.p: Naib Canselor